



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**27 April 2023  
6 Syawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Tiada lagi ikan murah, segar dari bot nelayan di Tok Bali
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		
				13	27/4/2022

## Tiada lagi ikan murah, segar dari bot nelayan di Tok Bali

Oleh TOREK SULONG

**PASIR PUTEH** – Penduduk dan pelancong di kawasan Tok Bali di sini tidak lagi berpeluang membeli hasil laut segar pada harga murah selepas jualan ikan didakwa dimonopoli pemberong di Pasar Terminal Ikan Tok Bali (TIBA) sejak sembilan tahun lalu.

Selain itu, faktor hanya pemberong yang boleh membeli hasil laut di pelabuhan Lemba Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Tok Bali di sini juga menyebabkan kenaikan harga ikan di pasaran ketika ini.

Seorang penduduk, Abdul Ghani Mohamed, 50, berkata, sebelum TIBA dibuka, ikan-ikan dan hasil laut bebas dijual di jeti persendirian, malah ada nelayan yang menjual ikan di atas bot selesa pulang dari laut.

Menurutnya, suasana itu sudah tiada apabila kebanyakan nelayan menjual ikan kepada peraih di TIBA dan pemberong di LKIM.

"Sebelum ini, ikan selayang dijual RM4 sekilogram, manakala ikan kembung segar RM6. Apabila jualan ikan dimonopoli pemberong, kedua-dua ikan itu dijual dua kali ganda iaitu antara RM12



KAWASAN jeti pendaratan ikan di tepi sungai Tok Bali, Pasir Puteh sepi apabila hanya pemberong yang boleh membeli hasil laut.



KAWASAN jeti pelabuhan LKIM yang menjadi lokasi urus niaga pengusaha bot dengan pemberong di Tok Bali, Pasir Puteh. – TOREK SULONG

hungga RM14 sekilogram.

"Kawasan jeti di Tok Bali sebelum ini menjadi tumpuan orang ramai membeli ikan murah pada waktu malam. Kini, suasana itu

sudah tiada lagi, pemberong di TIBA atau LKIM membili kesemua hasil laut sebelum menjual kepada peraih," katanya.

Menurut Abdul Ghani, meskipun pembangunan TIBA pada asalnya untuk membantu jualan hasil laut di Tok Bali, kawasan

tersebut ketika ini dilihat terbiasa apabila hanya beberapa premis sahaja yang masih beroperasi. "Kenaikan harga barang asas terutamanya ikan ketika ini menyebabkan pembeli kurang membeli hasil laut," katanya.

Seorang pengunjung di Tok Bali, Abdullah Ibrahim, 44, berkata, orang ramai tidak dapat membeli ikan segar di LKIM Tok Bali apabila dasar tutup pintu kepada pembeli runcit dilaksanakan.

"Difahamkan, hanya pemberong dibenarkan membeli ikan yang didaratkan untuk dijual secara runcit di luar kawasan kompleks berkenaan.

"Pembelian runcit hanya boleh dibuat di pasar ikan berdekatan dengan kadar lebih tinggi berbanding harga di kawasan perdaratian ikan," katanya.

Abdullah memberitahu, kompleks pelabuhan LKIM perlu dibuka kepada umum yang mam-

pu menjadi pusat pengumpulan hasil pertanian mini yang menyediakan bekalan ikan dan hasil pertanian lain yang diusahakan penduduk setempat.

"Disebabkan banyak faktor yang menghalang penduduk, mereka memilih Kompleks Perikanan Kuala Besut, Terengganu yang menyediakan jualan runcit pada kadar yang berpatutan setiap hari menerusi perniagaan borong dan runcit," katanya.